

191

TAZKIRAH MINGGU INI (T.M.I.): KEWAJIPAN MEMBAYAR ZAKAT

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 29 Ogos 2011 8:20

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

29 OGOS 2011/29 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dikemukakan Tazkirah Minggu Ini (T.M.I) oleh Pusat Islam untuk renungan bersama:

Kewajipan Membayar Zakat

Daripada Ibnu Abbas r.a. katanya: "Rasulullah SAW telah menentukan wajibnya zakat fitrah, untuk membersihkan orang yang mengerjakan puasa daripada perkataan yang sia-sia dan perkataan yang buruk, dan juga untuk menjadi makanan orang-orang miskin, oleh itu sesiapa yang menunaikannya sebelum sembahyang hari raya maka menjadilah ia zakat fitrah yang makbul, dan sesiapa yang menunaikannya sesudah sembahyang hari raya maka menjadilah ia sedekah biasa seperti sedekah sunat yang lain."

(Riwayat Abu Daud)

Huraian Hadis:

1. Zakat fitrah adalah diwajibkan kepada semua orang-orang Islam.
2. Zakat fitrah ialah zakat badan yang dikeluarkan untuk diberi kepada golongan-golongan bagi membersihkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia sepanjang bulan Ramadan.
3. Zakat yang diwajibkan ialah berupa makanan utama di sesebuah negeri seperti beras, gandum dan sebagainya atau di Malaysia, kadar bayarannya bersamaan dengan tiga cupak sukatan beras atau tiga kati dua belas tahlil (dua kilo 250 gram).
4. Pembayaran fitrah boleh dengan menggunakan wang ringgit sebagai ganti beras fitrah dengan niat bertaklid kepada mazhab Hanafi, mengikut kadar nilai yang ditetapkan oleh pihak pemerintah.
5. Zakat fitrah boleh dibayar dari awal Ramadan sehingga akhirnya iaitu sebelum sembahyang hari raya. Maka bagi sesiapa yang membayarnya selepas sembahyang hari raya, baginya menjadi sedekah biasa sahaja.

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi Ustazah Madiah binti Mohamed Ibrahim di talian 04-928 5806.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my